

EK

ECONEWS

PENTING UNTUK KENALPASTI PELBAGAI PASARAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah penting untuk mengenalpasti pelbagai pasaran dan menyokong negara-negara yang sedang membangun.

Terdapat lebih banyak punca pembangunan untuk pertambahan dalam barangan industri, katanya dalam wawancara khas dengan majalah +Newsweek+ mengenai +Malaysia Kearah 2020+.

+Mengapakah mesti kita beli semua barang-barang dari negara-negara Barat,+ katanya ketika ditanya tentang usaha Malaysia meningkatkan dagangan dua hala antara negara-negara membangun dan berapa banyak pertambahannya.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia terdorong dengan hubungan ekonomi dengan Vietnam yang kian meningkat dan berharap hubungan seperti itu akan membuahkan hasil.

+Malaysia terlibat dalam industri carigali minyak dan gas melalui Petronas, syarikat minyak kebangsaan, di bahagian selatan pantai Vietnam dan hubungan di semua sektor ekonomi kini terbuka luas,+ katanya.

Mengenai Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA), katanya ianya adalah suatu evolusi positif yang penting untuk ASEAN, yang bermula sebagai organisasi politik tetapi sekarang bersedia kearah perhubungan yang lebih erat.

Beralih kepada pelaburan asing, Dr Mahathir berkata Malaysia sekarang lebih selektif dalam meluluskan projek kerana negeri ini tidak lagi menumpukan perhatian terhadap industri menggunakan buruh secara intensif.

+Angka-angka (untuk pelaburan asing) menunjukkan pertambahan kecil dari segi permohonan pelaburan tetapi kami tidak bimbang jika permohonan itu menurun,+ katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata pelaburan asing bukan sahaja sumber bagi Malaysia menuju ke arah pertumbuhan kerana Malaysia terpaksa mencariimbangan antara pelaburan asing dan pertumbuhan eksport.

Ditanya sama ada defisit perdagangan menjadi masalah, katanya defisit akan jatuh lagi daripada RM8,800 juta tahun lepas.

Katanya, +Walaupun kami akan terus bergantung kepada import dalam beberapa tahun akan datang, kami juga akan mengeksport lebih banyak lagi,+ sambil menyatakan bahawa kebanyakan pelaburan asing adalah dalam sektor pembuatan, dan sebahagian besar daripadanya adalah untuk eksport.

Menyentuh tentang pelabuhan bebas cukai di Labuan, katanya Malaysia yang sedang mencuba menarik institusi-institusi dari Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah, berhasrat menjadi lebih selektif dan berhati-hati terhadap mereka yang dibenarkan masuk.

-- Bernama